



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## SOSIALISASI SEMULA PESALAH MUDA MELALUI PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT DALAM PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ABD RAHMAN BIN MAT NORDIN**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2020**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ALLAH kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Abdul Talib Bin Mohamed Hashim atas bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini. Segala usaha yang murni, ilmu dan ide yang disumbangkan sepanjang menjadi penyelia kajian, amat saya hargai dan kagumi.

Kedua insan yang tersayang iaitu allahyarham Mat Nordin Bin Hussein dan allahyarhamah Hajjah Som Binti Chu Muhid diucapkan jutaan terima kasih kerana telah membesarakan saya hingga memperoleh kejayaan dalam bidang pendidikan. Namun, kedua-dua insan tersebut tidak dapat mengecap bersama atas kejayaan ini.

Ketiga, buat isteri saya, Hajjah Nor Haili Binti Md Yusoff dan anak-anak iaitu Muhammad Syazwan bin Abd Rahman dan Muhammad Zhafri Bin Abd Rahman yang sentiasa mendoakan kejayaan saya terutama dalam kerjaya dan pendidikan, diucapkan jutaan terima kasih.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia, Putrajaya kerana telah memberi kelulusan menjalankan kajian di Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat berkenaan di Negeri Perak. Tidak lupa juga kepada Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah berkenaan, staf yang terlibat dan pelatih-pelatih yang telah banyak memberikan kerjasama dalam menjalankan kajian ini.

Sesungguhnya tiada apa yang mampu diucapkan melainkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan semoga ALLAH memberkati semua yang telah dianugerahkanNya.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti punca berlakunya jenayah dalam kalangan pesalah muda dan meneroka aktiviti Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) yang telah mereka ikuti dalam pembentukan tingkah laku. Kajian juga meneroka pandangan pesalah muda terhadap aktiviti PKM dan melihat implikasi program PKM yang telah mereka lalui. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes digunakan untuk meneroka isu ini. Responden kajian melibatkan enam orang pesalah muda lelaki berumur 18 hingga 21 tahun yang disabitkan kesalahan jenayah oleh Mahkamah dan telah menjalani PKM di empat buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di Negeri Perak. Kaedah pengumpulan data melibatkan analisis dokumen, pemerhatian, dan temu bual secara individu. Triangulasi data dibuat melalui ketiga-tiga kaedah tersebut. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis dokumen, melibatkan fasa penelitian, pengkodan, pengeciran data serta pembinaan tema dan pengkategorian maklumat berdasarkan pendekatan Fraenkel, Wallen & Hyun, (2012: 20). Hasil kajian daripada analisis dokumen mendapati punca berlaku jenayah dalam kalangan pesalah muda adalah kecuaian diri sendiri, konflik keluarga, hilang kawalan diri, gagal mematuhi undang-undang, kurang kasih sayang ayah dan pengaruh rakan sebaya. Hasil kajian daripada pemerhatian menunjukkan bahawa bentuk aktiviti khidmat masyarakat yang biasa dilaksanakan ialah menyapu sampah, mencuci tandas, mengemop lantai di masjid dan PKMD. Dapatan kajian daripada temu bual juga menunjukkan bahawa responden berpandangan membersih PKMD, sesi latihan menguruskan jenazah, sesi amali solat, slot ‘seks bebas dan impak kepada generasi muda’ adalah penting. Kesimpulannya, PKM mampu menyumbang kepada bertaqwah kepada ALLAH, mengingati kematian, memulihkan dan menginsafkan pesalah muda. Implikasi kajian ini menunjukkan PKM boleh digunakan sebagai satu pendekatan sosialisasi semula yang menyumbang secara positif kepada pembentukan tingkah laku.





## RE-SOCIALIZATION OF YOUTH OFFENDERS THROUGH THE COMMUNITY SERVICE ORDER IN BEHAVIOUR DEVELOPMENT

### ABSTRACT

The aims of this study were to identify the causes of youth offenders' involvement in crime and to explore the Community Service Order (CSO) activities attended by them in behaviour development. The study also aimed to explore the youth offenders' views about the CSO activities and to look the implication of the CSO programs attended by them. A qualitative research method using case study was utilized. The research respondents incriminated of six male youth offenders aged 18 to 21 years old who were charged with crime by the Court and they completed the CSO in four District Community Welfare Offices (DCWO) in the Perak state. The data were gathered through document analysis, observations and interviews. The triangulation of the data was done through three methods. The data were analyzed using the document analysis method and its involved needing precision, coding, data minimizing and theme constructing and categorizing based on Frankel, Wallen & Hyun, (2012: 20) approached. At the end of this study, through document analysis it was determined that self-carelessness, family conflict, loss of self-control, law disobediences, lack of fatherly love and affection and peer influence among the youth offenders were the cause of their crime involvement. The findings through observations showed that sweeping and mopping the floor, cleaning the toilets in the mosques and in DCWO were the community service activity which common activities done by them. The result through interviews also showed that the respondents viewed the cleaning of the DCWO, self-management body practice sessions, the prayer practical session, 'the dangers of free sex impact to the young generation' slot as important. As a conclusion, CSO can contribute to the faith in ALLAH, become aware of death, rehabilitate and reliaze especially youth offenders. The implications of this study indicated that the re-socialization approach can be used as a positively contributes to the behavior development.





## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
05-4506832	
pustaka.upsi.edu.my	
Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
PustakaTBainun	
ptbupsi	
<b>SENARAI JADUAL</b>	xxi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xxiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xxv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxvi
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	2
1.3    Pernyataan Masalah	6
1.4    Objektif Kajian	10
1.5    Soalan Kajian	11
1.6    Kepentingan Penyelidikan	11





1.6.1	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	12
1.6.2	Bidang Sosiologi Pendidikan	13
1.6.3	Pegawai Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya, Pegawai Bahagian Kanak-kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri-negeri, Pegawai-pegawai Perintah Khidmat Masyarakat dan Penyelia-penyelia Lapangan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah	14
1.6.4	Masyarakat dan Keluarga	15
1.6.5	Remaja yang Tidak Pernah Terjebak dalam Tingkah Laku Jenayah	16
1.7	Batasan Kajian	17
1.7.1	Batasan Terkawal	17
1.7.2	Batasan Tidak Terkawal	17
1.8	Teori-teori	18
1.8.1	Teori Sosialisasi	19
1.8.1.1	Sosialisasi Primer	20
1.8.1.2	Sosialisasi Sekunder	22
1.8.1.3	Resosialisasi	24
1.8.2	Teori Fungsional	26
1.8.3	Teori Kawalan Sosial	29
1.9	Kerangka Konseptual	30
1.10	Definisi Konsep dan Operasional	33
1.10.1	Jenayah	33
1.10.2	Remaja	33
1.10.3	Pesalah Muda	34





1.10.4 Perintah Khidmat Masyarakat	34
1.10.5 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Berkennaan	36
1.10.6 Sosialisasi Semula dan Pembentukan Tingkah Laku Pelatih	37
1.11 Rumusan	38

## BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	40
2.2 Perbezaan Antara Kanak-kanak dan Pesalah Mula	41
2.3 Mahkamah dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Berkennaan Sosialisasi Semula Pelatih Sebelum Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat Dijatuhkan	42
i. Borang Perakuan Kesihatan Bagi Pelatih Khidmat Masyarakat ke Program Khidmat Masyarakat	43
ii. Borang Perakuan Pelatih Tidak Memerlukan Insurans	43
2.4 Konsep-konsep Perintah Khidmat Masyarakat dalam Memindahkan Perintah Khidmat Masyarakat dalam Konteks Negara Malaysia	46
2.4.1 Perintah Khidmat Masyarakat Secara Umum	46
2.4.2 Aktiviti Program Perintah Khidmat Masyarakat	48
2.4.2.1 Program Hukuman	49
2.4.2.2 Program Pemulihan	49
2.4.2.3 Program Penginsafan	50
2.4.3 Jumlah Jam Agregat	51
2.4.4 Pematuhan Terhadap Perintah Khidmat Masyarakat	53
2.4.5 Pemantauan	54
2.4.6 Teori Pemulihan Sebagai Elemen Pemulihan	55





x

2.5	Konsep-konsep Perintah Khidmat Masyarakat di Negara Luar Secara Umum	58
2.5.1	Definisi dan Sejarah Perintah Khidmat Masyarakat	58
2.5.2	Teori Sebagai Sosialisasi Semula Pesalah Muda	61
2.5.3	Objektif Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat	64
2.6	Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat di Negara Luar	67
2.6.1	Perintah Khidmat Masyarakat di Amerika Syarikat	67
2.6.1.1	Kredibiliti Pesalah	67
2.6.1.2	Tempoh Pelunasan Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat	70
2.6.1.3	Aktiviti Perintah Khidmat Masyarakat	72
2.6.2	Perintah Khidmat Masyarakat di New Zealand	74
2.6.2.1	Kredibiliti Pesalah	75
2.6.2.2	Tempoh Pelunasan Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat	76
2.6.2.3	Aktiviti Perintah Khidmat Masyarakat	77
2.6.3	Perintah Khidmat Masyarakat di England dan Wales	79
2.6.3.1	Kredibiliti Pesalah	79
2.6.3.2	Tempoh Pelunasan Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat	80
2.6.3.3	Aktiviti Perintah Khidmat Masyarakat	81
2.7	Sosialisasi Semula Pesalah Muda dalam Program Hukuman	83
2.8	Keberkesanan Program Perintah Khidmat Masyarakat Sosialisasi Semula Pesalah Muda	87
2.9	Program Penginsafan Sosialisasi Semula Pesalah Muda	90
2.10	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Berkenaan Sebagai Institusi	93





## Kebajikan Melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat

2.11	Agen Sosialisasi	94
2.11.1	Institusi Keluarga	94
2.11.2	Rakan Sebaya yang Seangkatan Dengan Pesalah Muda	95
2.11.3	Keluarga Pesalah Muda Sebagai Agen Sosialisasi Semula dan Memindahkan Perintah Khidmat Masyarakat	96
2.11.4	Peranan Pegawai Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia, Putrajaya	98
2.11.5	Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat dan Penyelia Lapangan	100
2.12	Jurang Dengan Kajian Lampau	101



## BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	105
3.2	Paradigma Kajian	106
3.3	Pendekatan Kualitatif	109
3.4	Reka Bentuk Kajian	111
3.5	Klasifikasi Kajian Kes	117
3.6	Lokasi Kajian dan Responden Kajian	120
3.7	Instrumen Kajian	128
3.7.1	Analisis Dokumen	130
3.7.1.1	Rekod Awam	131
3.7.1.2	Dokumen Peribadi	131
3.7.1.3	Bahan Fizikal	132





3.7.2 Pemerhatian	133
3.7.3 Temu Bual	136
i.      Temu Bual Tidak Berstruktur	137
ii.     Temu Bual Berstruktur	137
iii.     Temu Bual Semi-Berstruktur	138
3.7.3.1         Proses Temu Bual	140
3.7.3.2         Protokol Temu Bual	141
3.8 Prosedur Pelaksanaan Kajian	147
3.8.1 Peringkat Pertama	147
3.8.2 Peringkat Kedua	147
3.8.3 Peringkat Ketiga	147
3.9 Prosedur Pengumpulan Data	148
3.10 Proses Mengumpul Data	151
3.11 Analisis Data Kualitatif	154
i.      Peringkat Satu	159
ii.     Peringkat Dua	159
iii.     Peringkat Tiga	159
iv.     Peringkat Empat	159
v.      Peringkat Lima	160
vi.     Peringkat Enam	160
3.12 Kod Induktif dan Kod Deduktif	161
3.13 Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian	163
3.13.1 Kebolehpercayaan Kajian	163
i.      Teknik <i>The Investigator's Position</i>	164
ii.     Teknik <i>Triangulation</i>	164
iii.     Teknik <i>Audit Trail</i>	164
3.13.2 Kesahan Kajian	167
3.13.2.1 Triangulasi	170





	3.13.2.2 Semakan oleh responden	174
	3.13.2.3 Deskripsi yang Mendalam	175
3.14	Limitasi Kajian	176
3.15	Kajian Rintis	176
3.16	Pertimbangan Etika	178
3.17	Rumusan	180

## BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	181
4.2	Latar Belakang Responden, Objektif, Matlamat dan Aktiviti Perintah Khidmat Masyarakat	182
4.3	Analisis Data Berdasarkan Soalan Kajian Pertama: Apakah Punca Berlaku Jenayah Dalam Kalangan Pelatih?	182
4.3.1	Kecuaian Diri Sendiri	183
4.3.2	Konflik Keluarga	185
4.3.3	Hilang Kawalan Diri	187
4.3.4	Gagal Mematuhi Undang-undang	188
4.3.5	Kurang Kasih Sayang Ayah dan Dorongan Kawan	190
4.3.6	Pengaruh Rakan Sebaya	193
4.4	Analisis Data Berdasarkan Soalan Kajian Kedua: Apakah Bentuk Aktiviti Program Perintah Khidmat Masyarakat yang Telah Pelatih Ikuti Bagi Pembentukan Tingkah Laku?	195
4.4.1	Program Hukuman	195
4.4.1.1	Bentuk Aktiviti	196
i.	Mencuci dan Membersih di Dalam Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah	196
ii.	Mencuci dan Membersih di Luar Premis Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah	201





4.4.1.2 Lokasi Program Hukuman	203
i.     Di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sahaja atau Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Sahaja	204
ii.    Di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan Lokasi Lain	206
4.4.1.3 Kehadiran Program Hukuman	211
i.     Kehadiran Mengikut Jadual	212
ii.    Menangguhkan Kehadiran	214
4.4.2 Program Pemulihan	217
4.4.2.1 Penganjuran Program Pemulihan	217
i.     Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia, Putrajaya	217
ii.    Bahagian Kanak-kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Negeri Perak	218
4.4.2.2 Kehadiran Program Pemulihan	221
i.     Berpeluang Menyertai	221
ii.    Belum Berpeluang Menyertai	226
4.4.3 Program Penginsafan	229
4.4.3.1 Penganjuran Program Penginsafan	229
i.     Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia, Putrajaya	230
ii.    Bahagian Kanak-kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Negeri Perak	232
4.4.3.2 Kehadiran Program Penginsafan	234





i.	Berpeluang Hadir	234
ii.	Tidak Berpeluang Hadir	238
4.4.3.3	Pengecualian	242
i.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2, 3, 4 dan 5 Tidak Melaksanakan Program Penginsafan	242
ii.	Pelatih Tidak Menghadiri Sesi Sehari di Penjara	244
4.5	Analisis Data Berdasarkan Soalan Kajian Ketiga: Apakah Pandangan Pelatih Terhadap Program Perintah Khidmat Masyarakat yang Telah Dikuti?	247
4.5.1	Pandangan Pelatih Terhadap Aktiviti Program Hukuman	247
4.5.1.1	Menjahit	248
4.5.1.2	Membersih di Dalam dan di Luar Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah	249
4.5.1.3	Menyiram Pokok Bunga	251
4.5.2	Pandangan Pelatih Terhadap Aktiviti Program Pemulihan	253
4.5.2.1	Kem Intergrasi Perintah Khidmat Masyarakat Peringkat Kebangsaan 2016	253
4.5.2.2	Program Keibubapaan Pelatih Sebagai Program Perintah Khidmat Masyarakat Negeri Perak 2016	255
i.	Halwa Minda ‘Generasi Muda Harapan Negara’	255
ii.	Semanis Kurma ‘Seks Bebas dan Impak Kepada Generasi Muda’	257
4.5.3	Pandangan Pelatih Terhadap Aktiviti Program Penginsafan	258
4.5.3.1	Solat Fardhu Berjamaah, Tazkirah dan Ceramah Keagamaan	259
4.5.3.2	Solat Dhuha dan Aktiviti Amali Ibadah Solat	262
4.5.3.3	Qiamullail	264
4.5.3.4	Sesi Latihan Menguruskan Jenazah	265





4.5.3.5 Membantu Penghuni Rumah Seri Kenangan	267
4.5.3.6 Tadabbur Alam: Aktiviti Kembara Hutan	268
4.5.3.7 Latihan Jasmani Aktiviti: Latihan Regangan	269
4.5.3.8 Sesi Sehari di Penjara	270
4.6 Analisis Data Berdasarkan Soalan Kajian Keempat: Apakah Implikasi Program Perintah Khidmat Masyarakat Yang Telah Diikuti pelatih?	276
4.6.1 Implikasi Program Hukuman Ke Atas Pelatih	276
4.6.1.1 Menyedari dan Kekuatan Diri Sendiri	277
4.6.1.2 Peningkatan Disiplin Diri	278
4.6.1.3 Menolak Melakukan Jenayah	283
4.6.1.4 Mematuhi Peraturan-peraturan dan Undang-Undang	285
4.6.1.5 Membangkit Rasa Kesedaran dan Lebih Bertanggungjawab	287
4.6.1.6 Mengamalkan Kebersihan di Dalam dan Persekutaran PKMD demi Kesihatan	289
4.6.1.7 Peningkatan Rasa Kasih Sayang	293
4.6.1.8 Dapat Menarik Lebih Ramai Pelanggan	294
4.6.2 Implikasi Program Pemulihan ke Atas Pelatih	294
4.6.2.1 Peningkatan Jati Diri	295
4.6.2.2 Peningkatan Berbakti Kepada Keluarga	296
4.6.2.3 Peningkatan Kepentingan Generasi Muda	297
4.6.2.4 Kesedaran Bahaya Seks Bebas	298
4.6.3 Implikasi Program Penginsafan Ke Atas Pelatih	299
4.6.3.1 Keinsafan	299





i.	Menghargai Sebuah Kebebasan	299
ii.	Menginsafi Usia Muda Sebelum Usia Tua	307
iii.	Peningkatan Kasih Sayang dan Berbakti Kepada Keluarga	314
iv.	Kesedaran Mengerjakan Solat Fardhu dan Takwa kepada ALLAH	319
v.	Kerja Sebagai Satu Ibadah	325
vi.	Bersabar Sebahagian Daripada Iman	326
vii.	Kesedaran Mengingati Mati	328
<b>4.6.3.2 Menghindarkan Diri Daripada Melakukan Jenayah Berulang</b>		329
<b>4.6.3.3 Bersyukur</b>		330
<b>4.7 Rumusan Bab</b>		332

## BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	335
5.2	Ringkasan Kajian	336
5.3	Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat Secara Umum	338
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	340
5.4.1	Perbincangan Bentuk Punca Berlaku Jenayah dalam Kalangan Pelatih	340
5.4.2	Perbincangan Bentuk Aktiviti Program Perintah Khidmat Masyarakat yang Telah Diikuti Pelatih	350
5.4.2.1	Program Hukuman	350
5.4.2.2	Program Pemulihan	355
5.4.2.3	Program Penginsafan	359





5.4.3 Perbincangan Pandangan Pelatih Terhadap Program Perintah Khidmat Masyarakat yang Telah Diikuti	361
5.4.3.1 Program Hukuman	362
i. Membersih Tandas	362
ii. Membersih Siling dan Mengemop Lantai	363
iii. Menyapu Sampah dan Mencuci longkang	365
5.4.3.2 Program Pemulihan	366
i. Solat Fardhu Lima Waktu Berjamaah	366
ii. Aktiviti Berkawat	367
iii. Aktiviti Keringat Semanis Budi	368
5.4.3.3 Program Penginsafan	369
i. Aktiviti Amali Solat	369
5.4.4 Perbincangan Implikasi Program Perintah Khidmat Masyarakat yang Telah Diikuti Pelatih	372
5.4.4.1 Program Hukuman	372
i. Peningkatan Rasa Hormat dan Kasih Sayang Terhadap Ibu Bapa	372
ii. Mematuhi Undang-Undang	375
iii. Menepati Masa	377
iv. Penglibatan Pelatih Melalui Kerja-kerja Kemasyarakatan	379
v. Mematuhi Jadual Kehadiran	385
vi. Peningkatan Keyakinan dan Ketahanan Diri	387
5.4.4.2 Program Pemulihan	390
i. Peningkatan Disiplin Diri	390
ii. Berjaya Menjaga Nama Baik PKMD 2, 3, 4 dan 5	393
iii. Integrasi dan Mengadaptasikan Diri	395





iv.	Menyedarkan Pelatih Tidak Melakukan Jenayah Berulang	398
5.4.4.3	Program Penginsafan	400
i.	Kesedaran Mengingati Mati	400
ii.	Kesedaran Kepentingan Mengerjakan Solat Fardhu dan Membaca Al-Quran	403
iii.	Peluang Bertaubat	406
iv.	Menginsafi Usia Muda Sebelum Usia Tua	409
5.5	Penerokaan Berterusan	412
5.5.1	Kewujudan Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat	412
5.5.2	Penempatan dan jarak Perjalanan Pelatih Menjalani Program Hukuman	415
5.5.3	Pelaksanaan Program Hukuman	416
5.5.4	Pemantauan Pelatih Semasa Menghadiri Program Pemulihan dan Program Penginsafan	417
5.5.5	Memendekkan Tempoh Perintah Khidmat Masyarakat	419
5.5.6	Huraian dan Peratusan Markah Secara Keseluruhan	420
5.5.7	Pelatih yang Gagal Melengkapkan Perintah Khidmat Masyarakat	421
5.5.8	Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat Tidak Melibatkan Penyalahgunaan Dاداه	422
5.6	Model Perintah Khidmat Masyarakat Sedia Ada	423
5.6.1	Model Perintah Khidmat Masyarakat Baharu	424
5.6.1.1	Pelatih	426
i.	Fasa Satu (Program Hukuman)	427
ii.	Fasa Dua (Program Pemulisafan)	428
iii.	Fasa Tiga (Program Kemahiran Asas)	428
iv.	Fasa Empat (Tempoh Mesra Pelatih)	429
v.	Fasa Lima (Penerokaan Markah Pelatih)	433





vi.	Fasa Enam (Bebas dan Berdikari)	433
5.6.1.2	Objektif, Matlamat dan Rasional Model Perintah Khidmat Masyarakat Baharu	434
5.7	Implikasi Teori	435
5.7.1	Teori Sosialisasi	435
5.7.1.1	Sosialisasi Primer	440
5.7.1.2	Sosialisasi Sekunder	441
5.7.1.3	Resosialisasi	443
5.7.2	Teori Fungsional	445
5.7.3	Teori Kawalan Sosial	450
5.8	Implikasi Kajian	455
5.9	Cadangan-Cadangan	458
5.9.1	Cadangan Kajian Lanjutan	458
5.9.2	Cadangan Kepada Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dan Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia, Putrajaya	459
5.9.3	Cadangan Terhadap Perintah Khidmat Masyarakat	460
5.9.4	Cadangan Kepada Pihak Lain	462
5.10	Rumusan	462





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Pandangan Konstruktivisme Mengenai Dunia Sosial	108
3.2 Komposisi Keseluruhan Pesalah Muda di Negeri Perak Pada 28 Disember 2016	121
3.3 Komposisi Keseluruhan Pelatih (Aktif) Mengikut Daerah, Umur dan Etnik di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 1, 2, 3, 4, 5 dan 6	123
3.4 Komposisi Keseluruhan Responden Terpilih di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2, 3, 4 dan 5	125
3.5 Profil Responden Terpilih Mengikut Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Nama Samaran, Etnik dan Jantina	126
3.6 Profil Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat Mengikut Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Etnik, Jantina dan Pengalaman Bertugas	127
3.7 Ringkasan Protokol Kajian Kes	143
4.1 Pelatih Belum Berpeluang Menyertai Kem Intergrasi Printah Khidmat Masyarakat Peringkat Kebangsaan 2016 Pada 6 hingga 8 Oktober 2016	227
4.2 Pelatih Belum Berpeluang Menyertai Program Keibubapaan Perintah Khidmat Masyarakat Negeri Perak 2016, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Negeri Perak	228
4.3 Ringkasan Responden Berjaya Sosialisa Semula dan Memendekkan Tempoh Perintah Khidmat Masyarakat	333
5.1 Punca Berlaku Jenayah dalam Kalangan Pelatih Mengikut Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah	341
5.2 Aktiviti Program Hukuman yang Dilaksanakan Pelatih Mengikut Lokasi	352





5.3	Aktiviti Kerja-kerja Kemasyarakatan Tambahan yang Telah Dilaksanakan Responden Setelah Sesi Temu Bual Mengikut Lokasi	354
5.4	Kehadiran Responden ke Program Penginsafan Sepanjang Tempoh Perintah Khidmat Masyarakat	360





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Sosialisasi dalam Institusi Keluarga	21
1.2 Fasa Kehidupan Pelatih	24
1.3 Sosialisasi Pelatih	25
1.4 Sosialisasi Semula Pelatih Melalui Teori Fungsional	27
1.5 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Berkenaan Berperanan Sebagai Mendidik2	28
1.6 Sosialisasi Semula Pelatih Melalui Teori Kawalan Sosial	29
1.7 Kerangka Konseptual	31
2.1 Carta Alir Prosedur Kerja Apabila Menerima Waran PKM (Comel, PKMD 3)	45
3.1 Kerangka Kerja Kajian. Diadaptasi Dari Creswell (2011)	112
3.2 Kerangka Metodologi	116
3.3 Proses Pengumpulan Data	152
3.4 Analisis Data Kaedah Kualitif	158
3.5 Triangulasi Pengumpulan Data dalam Kajian Kualitatif	171
5.1 Penghayatan Solat Fardhu Lima Waktu Melalui Komitmen, Keterikatan, Kepercayaan dan Keterlibatan	371
5.2 Konsep Kerja Kemasyarakatan	385
5.3 Konsep Penghayatan Peluang Bertaubat	407



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi

xxiv

5.4	Manfaat Program Penginsafan	411
5.5	Model Perintah Khidmat Masyarakat Sedia Ada	423
5.6	Model Perintah Khidmat Masyarakat Baharu	425



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi



## SENARAI SINGKATAN

ABM	Anggaran Belanja Mengurus
BPKM, JKM	Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat
BKKPKM, JKM	Bahagian Kanak-kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
LSPM	Laporan Sosial Pesalah Muda
PDK	Pusat Pemulihan Dalam Komuniti
PKMD	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
PKMD (K)	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kecil
PKM	Perintah Khidmat Masyarakat
PL	Penyelia Lapangan
PM	Pesalah Muda
PPKM	Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat



## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Permohonan Laporan Sosial Pesalah Muda
- B Kertas Pertuduhan
- C Laporan Polis
- D Laporan Sosial Pesalah Muda
- E Waran Perintah Bagi Melakukan Khidmat Masyarakat
- F Aku Janji Pesalah Muda
- G  Borang Perakuan Kesihatan Bagi Pelatih Khidmat Masyarakat Ke Program  ptbupsi  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  
Khidmat Masyarakat
- H Perakuan Pelatih Tidak Memerlukan Insurans
- I Surat Jemputan Peserta Kem Integrasi Perintah Khidmat Masyarakat Peringkat Kebangsaan 2006
- J Surat Jemputan Peserta Kem Kerohanian Perintah Khidmat Masyarakat Peringkat Kebangsaan 2017
- K Soalan Temu Bual Semi-Berstruktur Pesalah Muda
- L Soalan Temu Bual Semi-Berstruktur (Tidak Formal) Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat
- M Borang Pengesahan Responden Penyelidikan
- N Pengesahan Pelajar untuk Membuat Penyelidikan Daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim
- O Kelulusan Menjalankan Kajian/Penyelidikan di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya
- P Latar Belakang Pesalah Muda Sebagai Responden Terpilih
- Q  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi  
Objektif, Matlamat dan Aktiviti Program Perintah Khidmat Masyarakat



- R Laporan Penamatan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat Dibawah Peruntukan Seksyen 293(1)(e) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)
- S Arahan-arahan Perintah Khidmat Masyarakat
- T Laporan Penyediaan Harian oleh Penyelia Lapangan
- U Program Keibubapaan Program Khidmat Masyarakat Negeri Perak 2016
- V Surat Arahan Untuk Melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat
- W Jadual Pelaksanaan Aktiviti/Program Perintah Khidmat Masyarakat
- X Objektif, Matlamat Rasional dan Syarat-syarat Perintah Khidmat Masyarakat Baharu





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pendahuluan

Bab ini mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian dan kepentingan kajian. Bab ini juga mengandungi kerangka konseptual kajian, teori-teori sosiologi yang dianggap sesuai digunakan dan akhirnya, bab ini turut menjelaskan definisi yang digunakan dalam kajian ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) dijatuhkan kepada remaja yang telah melakukan tingkah laku jenayah hingga disabitkan kesalahan oleh Mahkamah dan merupakan hukuman alternatif atau pilihan. Menurut Siti Zubaidah Ismail (2011), Hukuman PKM merupakan hukuman alternatif dan dapat difahami sebagai salah satu bentuk hukuman gantian atau hukuman pilihan.

Menurut Mohamad Nazrin Helmi Awang (2018), masalah sosial yang melanggar undang-undang negara adalah merangkumi pelbagai tingkah laku negatif yang tidak memberi faedah kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan oleh masyarakat serta negara. Oleh itu, PKM dilaksanakan di sesebuah negara terutama remaja yang berkonflik dengan undang-undang negara bertujuan untuk mendisiplinkan mereka di samping menanam rasa tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan negara. Menurut Caputo (2004), PKM diperkenalkan bertujuan sebagai hukuman dan menjadikan pesalah bertanggungjawab atas apa yang pesalah lakukan terhadap dirinya sendiri mahupun mangsa. Caputo (2004) memperincikan lagi bahawa PKM dilaksanakan bagi memulihkan pesalah dan menghargai dirinya sendiri termasuklah keluarga serta masyarakat. Konsep PKM telah dinyatakan dahulu oleh Stenberg & Colman (1994) seperti rasa bertanggungjawab, berdisiplin dan estim diri yang tinggi terhadap diri pesalah.





Bagi mengurangkan masalah yang dihadapi remaja yang terlibat dalam tingkah laku jenayah, PKM telah dilaksanakan di Negara-negara Barat sejak dahulu lagi. Flacks (2006) menjelaskan bahawa Hukuman PKM mula diperkenalkan secara formal oleh Mahkamah Almeda County iaitu sebuah daerah di California, Amerika Syarikat pada tahun 1966. Setelah melihat perkembangan hukuman tersebut, PKM mula menjadi perintis dan rujukan kepada Mahkamah-mahkamah di sekitar California pada tahun 1970 sebagai hukuman alternatif kepada denda dan pemenjaraan (Arifah Rahimah Ismail & Mohd. Al-Adib Samuri, 2015). Pelaksanaan PKM tersebut telah dinyatakan dahulu oleh Tonry (1997), Junger-Tas (1994), Van Kalmthout & Tak (1992) dan Morris & Tonry (1990) bahawa PKM menjadi semakin popular dilaksanakan di Negara-negara Barat seperti Denmark, Jerman dan Perancis. Ini menunjukkan bahawa PKM telah lama dilaksanakan di Negara-negara Barat dan menjadi rujukan kepada Mahkamah-mahkamah di negara lain bagi menjatuhkan Hukuman PKM kepada remaja yang terlibat dalam tingkah laku jenayah. Manakala, menurut Norazla Abdul Wahab, Mohd. Al-Adib Samuri, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin & Anita Abdul Rahim (2015) pula, menyokong kenyataan tersebut di mana PKM merupakan satu bentuk hukuman alternatif yang telah dilaksanakan oleh kebanyakan negara di seluruh dunia sejak awal 1970-an. Walau bagaimanapun, Hudson & Galaway (1990) telah menyatakan terdahulu bahawa PKM dilaksanakan di beberapa buah Negara Eropah termasuklah Denmark, Jerman, Perancis, Belanda, Norway dan Portugal pada sekitar tahun 1980.





Negara Malaysia tidak ketinggalan melaksanakan Hukuman PKM terhadap remaja yang terlibat dalam tingkah laku jenayah. Hukuman PKM diperkenalkan di Malaysia sekitar tahun 2007 menerusi pindaan seksyen 293 (1)(e)(i) Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan 2006) dan mula dilaksanakan di Malaysia pada 1 Januari 2008 (Norazla Abdul Wahab et al., 2015). Dalam konteks Negara Malaysia, PKM dilaksanakan khusus kepada remaja yang terlibat dalam tingkah laku jenayah agar dapat melahirkan keinsafan dan penyesalan dalam diri mereka. Kenyataan ini pernah disuarakan oleh Nurbazla Ismail & Mohd. Al-Adib Samuri (2016) PKM diharap boleh memelihara akal pesalah dengan membangkitkan keinsafan dalam diri dan mendidik rohani mereka.



Remaja yang disabitkan dalam tingkah laku jenayah hingga dijatuhan Hukuman PKM diharap dapat kembali semula kepangkuan keluarga dan masyarakat. Ini adalah kerana Hukuman PKM boleh diperintahkan kepada remaja yang melakukan kesalahan jenayah hingga disabitkan kesalahan oleh Mahkamah (Nurbazla Ismail et al., 2016). Terdahulu, menurut Nurbazla Ismail & Mohd. Al-Adib Samuri (2014), PKM khususnya diperintahkan kepada pesalah remaja sahaja bagi membentuk nilai-nilai yang baik tetapi khidmat masyarakat dilaksanakan pesalah adalah untuk masyarakat juga. Maka, Negara Malaysia menguatkuasakan Hukuman PKM banyak menyumbang nilai-nilai murni dan wajar diberi peluang kepada pesalah sosialisasi semula dalam PKM supaya menjadi seorang yang berguna pada diri mereka, keluarga, masyarakat dan menjauhkan diri mereka daripada tingkah laku jenayah.





Hukuman PKM tidak seperti undang-undang jenayah yang lain di Malaysia kerana PKM merupakan undang-undang yang membenarkan pesalah meneruskan kehidupan tinggal bersama keluarga sebagai alternatif pemenjaraan. Menurut Sidhu (2007), memperakukan bahawa PKM diperkenalkan berbeza dengan undang-undang lain yang telah lama dilaksanakan di Malaysia. Contoh, undang-undang yang telah lama wujud di Malaysia ialah Akta Dadah Berbahaya (1952). Oleh itu, Hukuman PKM berbeza dengan Akta Dadah Berbahaya (1952) kerana Hukuman PKM tertakluk kepada had umur pesalah remaja iaitu 18 hingga 21 tahun dan tertakluk kepada telah melakukan tingkah laku jenayah kali pertama sahaja. Sedangkan pesalah yang disabitkan kesalahan mengedar dadah tertakluk pula kepada Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya (1952) yang memeruntukkan hukuman mati. Pengedar dadah tidak tertakluk kepada had umur pesalah seperti 18 hingga 21 tahun dan tidak tertakluk kepada melakukan kesalahan jenayah kali pertama sahaja. Oleh yang demikian, kajian mengenai PKM masih lagi kurang dilaksanakan di Malaysia kerana tidak popular seperti kajian berhubung kesalahan menyalahgunakan dadah. Namun begitu, kajian ini sangat penting dijalankan untuk mengenal pasti, meneroka dan melihat pesalah muda (PM) sosialisasi semula melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku.

Sosialisasi semula PM melalui PKM mewajibkan mereka melaksanakan dan menghadiri program-program PKM. Oleh itu, punca berlaku jenayah, bentuk aktiviti program PKM yang telah diikuti pelatih, pandangan pelatih terhadap program PKM dan implikasi program PKM adalah wajar dikaji dan diketahui. Justeru kajian ini perlu bagi mendedahkan pandangan pelatih terpilih kerana pelatih tersebut sosialisasi semula diri



mereka sendiri dengan melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) berkenaan dan menghadiri program PKM yang ditentukan oleh penganjur iaitu BPKM, JKM Malaysia, Putrajaya. Keperluan kajian ini adalah untuk meneroka keupayaan PKM bagi pembentukan tingkah laku pelatih sebagai salah satu daripada fungsi dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terutama agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia, Putrajaya, JKM Negeri Perak dan PKMD yang terlibat dalam kajian ini secara langsung. Oleh itu, fokus utama Hukuman PKM ialah mendidik pelatih supaya mereka tidak terjebak semula dalam tingkah laku jenayah setelah menamatkan PKM.

Menurut Arifah Rahimah Ismail & Mohd. Al-Adib Samuri (2014), Hukuman PKM merupakan asas penghukuman agar pesalah tidak melakukan tingkah laku jenayah berulang pada masa hadapan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

KPWKM merupakan salah sebuah kementerian atau institusi yang berperanan menggubal dasar bagi mengurangkan remaja terlibat dalam tingkah laku jenayah di tempat-tempat kediaman, kawasan-kawasan awam, agensi-agensi kerajaan termasuklah PKMD berkenaan. Sememangnya banyak dasar, pekeliling-pekeliling, peraturan-peraturan dan program-program telah dilaksanakan semenjak tertubuhnya KPWKM hingga ke hari ini bertujuan untuk mengurangkan tingkah laku jenayah dalam kalangan remaja. Mohamad Nazrin Helmi Awang (2018) telah menjalankan kajian bertajuk “Persepsi Pelajar Terhadap Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keterlibatan Pelajar Dalam Masalah Sosial”. Kajian tersebut melibatkan pelajar tingkatan 3, 4 dan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan, Kampung



Perak, Perak dan menurut Mohamad Nazri Helmi Awang (2018), jika dahulu, golongan remaja terlibat dalam kes-kes jenayah yang serius hanyalah bilangan yang kecil sahaja. Namun, beliau menjelaskan lagi bahawa angka tersebut semakin meningkat dengan mendadak tidak hanya membimbangkan ibu bapa tetapi memberi implikasi kepada masyarakat dan kredibiliti sekolah yang berperanan sebagai pembentukan moral dan tingkah laku generasi muda.

Tingkah laku jenayah melibatkan remaja tidak menunjukkan bilangan kes yang berkurangan seperti yang dihasratkan pelbagai pihak tetapi masih berterusan hingga ke hari ini dan ia mencetuskan tragedi jenayah yang membimbangkan. Isu jenayah seksual pernah dilaporkan terjadi dalam kalangan remaja (Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Diman & Asma' Wardah Surtahman, 2015). Perkara yang lebih membimbangkan lagi ialah isu jenayah seksual melibatkan keruntuhan akhlak remaja seperti, rogol, zina, pembuangan bayi dan kelahiran anak luar nikah. Kenyataan tersebut dapat disokong melalui statistik yang dikeluarkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2013 sebanyak 7,816 kes dicatatkan berbanding hanya 3,700 kes pada tahun 2012 iaitu membabitkan peningkatan sebanyak 4,116 kes termasuklah jenayah seksual seperti, rogol dan liwat (Haja Mydin Abdul Kuthoos, Noraida Endut, Azman Azwan Azmawati, Intan Hashimah Mohd Hashim & Nor Hafizah Selamat (2016). Jika di tempat-tempat kediaman, kawasan-kawasan awam, agensi-agensi kerajaan termasuklah PKMD berkenaan sewajarnya menjadi tempat sosialisasi semula PM pelbagai etnik dan lokasi yang paling utama untuk mengelak berlaku jenayah, memperlihatkan diragui dan tidak selamat. Maka, situasi tersebut amat membimbangkan pelbagai pihak seperti ibu-



ibu, bapa-bapa, ketua-ketua komuniti, pemimpin-pemimpin tempatan dan negara. Jika remaja tidak dapat bertingkah laku baik, mana mungkin isu jenayah seksual melibatkan keruntuhan akhlak dibendung atau dikurangkan.

Susulan daripada isu yang dinyatakan di atas, pihak kerajaan telah banyak memperuntukan perbelanjaan melalui Anggaran Belanja Mengurus (ABM) melaksanakan program-program bagi membentuk tingkah laku pelatih di peringkat JKM Malaysia, Putrajaya, JKM Negeri-negeri dan PKMD berkenaan. Salah satunya ialah Hukuman PKM yang diperkenalkan pada tahun 2007 melalui pindaan Seksyen 293 (1)(e)(i) Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan 2006). Oleh itu, Hukuman PKM telah mula dilaksanakan di Malaysia pada 1 Januari 2008 (Norazla Abdul Wahab et al. 2015). Dalam konteks Negara Malaysia, Hukuman PKM dilaksanakan khusus kepada remaja yang terlibat dalam tingkah laku jenayah sebagai hukuman gantian dan dapat mengurangkan bilangan banduan di penjara. Kenyataan tersebut pernah disuarakan sebelum ini oleh Mohd. Al-Adib Samuri & Noor Aziah Mohd Awal (2009) pelaksanaan PKM di sesebuah negara dapat mengurangkan bilangan banduan di penjara dan mengurangkan ABM setiap tahun yang ditanggung kerajaan. Walau bagaimanapun, usaha KPWKW tersebut tidak menghasilkan hasrat yang diinginkan, malah isu jenayah seperti yang dibincangkan di atas terus berlaku berleluasa dari masa ke masa hingga ke hari ini.





Hakikat yang harus diterima ialah setiap pesalah pelbagai etnik dan tingkah laku jenayah, mempunyai berbeza pandangan terhadap program PKM yang telah diikuti. Kajian Mohd. Al-Adib Samuri (2012) mendapati dan berpandangan bahawa PKM adalah penting kerana ia dapat menyumbang kepada pembinaan kerangka perundangan PKM terhadap pesalah yang berkonflik dengan undang-undang di Malaysia. Perbezaan pandangan tersebut menimbulkan kerap berlaku salah faham dalam kalangan pelatih terutama apabila diajukan soalan apakah maksud PKM (Cywinska, 2010). Sehubungan itu, PKMD berkenaan sebagai institusi sosial berperanan sebagai agen sosialisasi semula pelatih. Maka, PKM melalui program-program PKM di PKMD berkenaan harus dilihat sebagai cara pelatih sosialisasi semula dengan cara mendidik nilai-nilai sosial dalam pembentukan tingkah laku mereka. Contohnya, memulihkan pesalah dengan cara melucutkan masa lapang mereka melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan di PKMD berkenaan. Mohd. Al-Adib Samuri et al. (2009), telah menghujahkan dahulu bahawa PM melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan diharap dapat memulihkan mereka semula.

Berdasarkan isu tingkah laku jenayah melibatkan remaja harus dikaji dan fokus lokasi kajian di PKMD berkenaan kerana pelatih pernah terlibat dalam tingkah laku jenayah, disabitkan kesalahan oleh Mahkamah hingga dijatuhkan Hukuman PKM. Walaupun terdapat kajian-kajian sebelum ini mengenai PKM atau tingkah laku jenayah yang melibatkan remaja atau PM namun, kajian tersebut menggunakan pendekatan kajian berbeza, responden berbeza, lokasi tidak melibatkan PKMD berkenaan dan punca berlaku jenayah pula berbeza.





## 1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah seperti yang dinyatakan di atas, adalah menjadi satu keperluan untuk mengenal pasti, meneroka dan melihat program PKM yang berkait rapat dengan sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku. Maka, bagi memahami situasi sebenar sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku di PKMD berkenaan, beberapa objektif kajian telah digariskan seperti berikut:

- i. Mengenal pasti punca berlaku jenayah dalam kalangan pelatih.
- ii. Meneroka aktiviti program PKM yang telah pelatih ikuti bagi pembentukan tingkah laku.
- iii. Meneroka pandangan pelatih terhadap peranan program PKM yang telah diikuti.
- iv. Melihat implikasi peranan program PKM yang telah diikuti pelatih.





## 1.5 Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian ini juga berlandaskan objektif-objektif kajian di mana setiap soalan mewakili setiap objektif kajian. Soalan-soalan tersebut juga memandu pengkaji membina soalan-soalan temu bual. Berikut adalah soalan-soalan yang telah disediakan berdasarkan objektif kajian.

- i. Apakah punca berlaku jenayah dalam kalangan pelatih?
- ii. Apakah bentuk aktiviti program PKM yang telah pelatih ikuti bagi pembentukan tingkah laku?
- iii. Apakah pandangan pelatih terhadap peranan program PKM yang telah diikuti?
- iv. Apakah implikasi peranan program PKM yang telah diikuti pelatih?

## 1.6 Kepentingan Penyelidikan

Sesuatu kajian itu dianggap penting, pertama, mestilah menyumbang kepada pengetahuan, kedua, berguna dan bermakna kepada pembentukan polisi atau dasar yang berkaitan dan ketiga, mestilah berguna kepada pengamal atau orang yang terlibat dalam bidang tersebut (Baker, 1994). Oleh itu, kepentingan PKM seharusnya tidak boleh dinafikan dan tidak boleh dianggap remeh bagi membentuk tingkah laku PM. Pelaksanaan program PKM di PKMD berkenaan seperti program hukuman adalah penting dikaji kerana fungsinya mempengaruhi nilai-nilai murni, agen sosial, sosialisasi semula dan implikasi kepada pelatih. Begitu juga pelaksanaan program PKM di lokasi terpilih seperti program pemulihan dan program penginsafan adalah penting dikaji kerana berfungsi mempengaruhi



nilai-nilai murni, agen sosial, sosialisasi semula dan implikasi kepada pelatih. Ketiga-tiga program tersebut menyumbang implikasi kepada pelatih dan menjadi asas kepada pembentukan tingkah laku mereka. Berlandaskan kepada permasalahan-permasalahan yang dihuraikan terdahulu dan kepentingan kajian yang akan dihuraikan, maka kajian sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku di PKMD berkenaan adalah penting dikaji sepertiuraian berikut:

#### **1.6.1 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Dapatan kajian ini memberi penjelasan secara keseluruhan kepada pihak KPWKM mengenai keperluan terhadap latihan Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat (PPKM) dan Penyelia Lapangan (PL) dari masa ke masa. Maklumat dari kajian ini, menarik perhatian PPKM dan PL mengenai kepentingan Hukuman PKM sebagai fungsi utama melahirkan pelatih berkualiti. Di samping itu, dapat memberi kesedaran kepada PPKM dan PL supaya berusaha dengan seikhlas mungkin untuk melahirkan pelatih berjaya menamatkan PKM dengan berbekalkan program-program PKM yang disediakan.

Dapatan kajian ini juga diharap dapat membantu pihak KPWKM menyemak semula pengisian program pemulihan dan program penginsafan sebagai usaha meningkatkan lagi mutu kedua-dua program tersebut agar iaanya lebih berkesan. Kedua-dua program tersebut dirancang dan dianjurkan oleh BPKM, JKM Malaysia, Putrajaya di lokasi terpilih dari masa ke masa. Akhirnya, kajian ini diharap dapat menyalurkan maklumat berguna berhubung perancangan berkesan

yang dilaksanakan di PKMD berkenaan bagi mengurangkan pelatih terlibat dalam tingkah laku jenayah yang lebih berat pada masa hadapan.

### 1.6.2 Bidang Sosiologi Pendidikan

Dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang sesuatu yang baharu seperti memahami konsep-konsep baharu dan model PKM baharu bagi meningkatkan sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku di PKMD tersebut. Menurut Thio (2000), pelatih akan mempelajari peranan baharu dalam kehidupannya melalui proses sosialisasi semula. Di samping itu, kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada bidang sosiologi pendidikan sebagai menganalisis bagaimana keadaan sosiologi semula mempengaruhi remaja (Ahmadi, 2007). Metodologi kajian ini ialah pendekatan kualitatif bertepatan dengan bidang sosiologi pendidikan dan diharap mampu meneroka masalah tingkah laku pelatih terlibat dalam tingkah laku jenayah seperti yang dikaji.

Kajian ini diharap dapat menyumbang, menambah bilangan bahan rujukan dan menambahkan lagi bilangan bahan bacaan sosiologi pendidikan. Kajian ini adalah merupakan salah satu daripada konsep dalam bidang kajian ilmu sosiologi pendidikan diharap dapat memberi sumbangan untuk memahami konsep, aspek PKM sosialisasi semula PM melalui PKM di PKMD tersebut bagi pembentukan tingkah laku mereka. Akhirnya, dapat menambah *body of language* contoh, semasa pengkaji mengadakan sesi temu bual dengan pelatih dan pemerhatian terhadap mereka di lapangan.



### **1.6.3 Pegawai Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya, Pegawai Bahagian Kanak-kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri-negeri, Pegawai-pegawai Perintah Khidmat Masyarakat dan Penyelia-penyelia Lapangan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah**

Dapatan kajian ini diharap boleh membantu PPKM dan PL untuk meningkatkan teknik penyeliaan berkesan sosialisasi semula PM melalui PKM. Dalam konteks kajian ini, sosialisasi semula PM melalui PKM adalah proses pembentukan tingkah laku mereka terutama sepanjang tempoh PKM. Kejayaan untuk mencapai objektif hukuman ialah melalui semangat membantu menerusi program hukuman di PKMD terpilih, program pemulihan dan program penginsafan di lokasi yang ditentukan oleh BPKM, JKM Malaysia, Putrajaya. Ketiga-tiga program tersebut adalah berlandaskan kepada peranan Pegawai BPKM, JKM Malaysia, Putrajaya, Pegawai BKKPKM, JKM Negeri, PPKM dan PL di PKMD berkenaan dalam memikul tanggungjawab sosial yang diamanahkan. Dapatan hasil kajian ini juga diharap dapat memahami peranan pegawai-pegawai seperti yang dinyatakan di atas sebagai agen sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku mereka di PKMD tersebut. Di samping itu, maklumat yang diperoleh dalam kajian ini boleh dikongsikan bersama sebagai tanggungjawab sosial seperti, punca pelatih terlibat dalam tingkah laku jenayah, disabitkan kesalahan jenayah hingga dijatuhkan Hukuman PKM oleh Mahkamah.





#### 1.6.4 Masyarakat dan Keluarga

Dapatkan kajian ini akan mendedahkan fenomena sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku mereka di PKMD tersebut. Warga kerja di PKMD berkenaan juga boleh menyemak semula implikasi daripada fungsi sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku mereka di PKMD terpilih. Manakala, laporan kajian ini akan dijadikan sebagai sandaran setiap ibu bapa, keluarga dan setiap lapisan masyarakat dalam membentuk tingkah laku pelatih. Bagi menyokong kenyataan di atas, menurut Mohd. Al-Adib Samuri (2012), diharap PKM dapat mengembalikan hubungan kekeluargaan dan menetapkan suatu kedudukan pelatih dalam masyarakat untuk dirinya berfungsi dengan baik. Kenyataan tersebut juga telah dinyatakan terdahulu oleh Pagnanelli (2007) bahawa, keluarga boleh membantu meningkatkan lagi keberkesanan proses pelatih yang berkonflik dengan undang-undang.



### 1.6.5 Remaja yang Tidak Pernah Terjebak dalam Tingkah Laku Jenayah

Bagi mencapai matlamat jenayah sifar semestinya memerlukan remaja tidak terjebak dalam tingkah laku jenayah. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi manfaat terutama kepada remaja yang tidak pernah terjebak dalam tingkah laku jenayah agar tidak mudah dipengaruhi kawan atau sengaja mengambil mudah terhadap PKM yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Kajian ini juga, diharap mampu menyedarkan remaja yang tidak pernah terjebak dalam tingkah laku jenayah supaya sentiasa berwaspada atas kewujudan Hukuman PKM di Negara Malaysia semenjak 1 Januari 2008. Sebelum Hukuman PKM dilaksanakan di Negara Malaysia, Cochrane, Melville & Marsh (2004) telah menyatakan terlebih awal bahawa Hukuman PKM yang dijatuhkan kepada pelatih bukan sahaja untuk menakutkan remaja lain daripada terlibat dalam tingkah laku jenayah tetapi memberi pengajaran kepada remaja lain juga.

Kesedaran dan pemahaman kewujudan PKM nescaya akan menyumbang implikasi positif terutama kepada remaja yang tidak pernah terjebak dalam tingkah laku jenayah. Hukuman PKM mencegah remaja yang tidak pernah terlibat dalam tingkah laku jenayah tetapi berkemungkinan seseorang remaja itu akan melakukan jenayah pada masa akan datang (Cochrane et al., 2004). Oleh itu, kajian ini diharap akan menambah khazanah ilmu sebagai salah satu daripada usaha memberi kefahaman berhubung PKM dan kepentingan implikasi remaja terlibat dalam tingkah laku jenayah.

## 1.7 Batasan Kajian

Reka bentuk kajian ini bersandarkan kepada pendekatan kualitatif dan terdapat beberapa batasan yang perlu dijelaskan. Kajian ini dikategorikan kepada dua batasan kajian sepertiuraian berikut.

### 1.7.1 Batasan Terkawal

Kajian ini hanya dijalankan berhubung sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku mereka. Dapatan kajian ini tidak dapat mewakili secara keseluruhan sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku

setiap PM di PKMD seluruh Negara Malaysia.

### 1.7.2 Batasan Tidak Terkawal

Pengkaji mengandaikan kesemua PM memberi maklum balas secara jujur dalam memberi jawapan bagi setiap pertanyaan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak boleh memaksa kesemua PM memberi jawapan secara jujur. Pengkaji mengemukakan soalan-soalan kepada semua PM berkemungkinan pelbagai jawapan yang melampaui batas perbincangan yang akan diperoleh daripada mereka.

## 1.8 Teori-teori

Menurut Swanson & Chermack (2013), teori-teori yang dipilih ialah untuk menerang, meramal dan memahami fenomena di samping memperluaskan pengetahuan yang sedia ada. Pengkaji menjalankan kajian ini menggunakan beberapa teori sosial terpilih bagi menjelaskan fenomena yang berlaku di samping meneroka sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku PM yang dikaji. Menurut Othman Lebar (2015), kajian sosial merupakan sebagai asas pemikiran bagi membentuk kerangka konseptual manakala teori sosial pula memerlukan kajian untuk melihat kepraktikalannya. Oleh itu, teori-teori sosial yang digunakan dalam kajian ini memberi pemahaman tentang sesuatu isu, “boleh membantu dalam membuat keputusan kajian dan memahami serta memberi makna kepada dunia sekeliling” (Othman Lebar, 2015: 15).

Menerusi kajian ini juga, pengkaji turut menggunakan teori yang terpilih seperti teori sosialisasi, teori fungsional dan teori kawalan sosial. Teori merujuk kepada satu kerangka yang digunakan sebagai panduan menjawab soalan yang dibincangkan dalam kajian ini. Menurut Macionis (2012: 12), teori ialah *“a statement of how and why specific facts are related”*. Maka, bolehlah dikatakan bahawa kajian yang pengkaji jalankan ini mempunyai kaitan dengan teori-teori yang dibincangkan disebabkan menerusi dapatan kajian ini diharap mampu menyokong idea teori-teori tersebut.



### 1.8.1 Teori Sosialisasi

Menurut Carl (2011: 87), “teori sosialisasi adalah signifikan menyumbang kepada pemahaman terhadap pembangunan diri dan pembangunan moraliti pelatih”. Maka, teori sosialisasi memperihalkan mengenai perkembangan PM yang mengaitkan dua perkara seperti semula jadi dan dididik. Carl (2011: 85) menyifatkan “semula jadi sebagai satu kepercayaan bahawa ciri-ciri genetik dan biologikal yang diwarisi turun-temurun adalah faktor penentu tingkah laku individu, manakala dididik adalah kepercayaan bahawa faktor persekitaran penentu kepada cara berfikir, perasaan dan kelakuan PM”. Macoinis (2012: 103) menjelaskan bahawa “tingkah laku bukanlah bersifat instin tetapi perlu dipelajari; namun tingkah laku PM bukanlah semula jadi tetapi dididik”. Oleh itu, ‘dididik’ memfokus persekitaran dan pengalaman melalui persekitaran sosial memainkan peranan sebagai pembentukan tingkah laku PM adalah berhubungan antara satu sama lain bagi membincangkan sosialisasi semula PM melalui PKM.

Sosialisasi semula mendidik PM merupakan asas kepada pembentukan dan perkembangan PM melalui nilai-nilai murni dan budaya bermasyarakat. Teori sosialisasi memberi penekanan terhadap fungsi, tempat pelaksanaan PKM sebagai institusi sosial yang wujud dalam persekitaran masyarakat untuk sosialisasi semula PM melalui PKM dengan nilai-nilai murni dan norma yang baik. Dalam konteks kajian ini, perkara utama yang boleh dilihat dengan jelas di tempat pelaksanaan seperti, program hukuman di PKMD berkenaan dan program pemulihan serta



program penginsafan di lokasi terpilih yang ditentukan oleh penganjur turut membantu membentuk tingkah laku PM.

Sosialisasi adalah merupakan proses mempelajari kedudukan dan nilai-nilai murni yang sepatutnya dimiliki setiap pelatih di sesebuah institusi sosial seperti PKMD berkenaan. Menurut Amir Hasan Dawi (2009: 59), “sosialisasi dapat mengubahsuai tingkah laku awal individu untuk diselaraskan dengan kehendak kehidupan sosial masyarakat semasa”. Maka, dalam konteks kajian ini sosialisasi merujuk kepada sosialisasi semula PM melalui PKM di PKMD berkenaan dalam pembentukan tingkah laku mereka mempelajari, punca berlaku jenayah, aktiviti program PKM yang telah mereka ikuti, pandangan pelatih terhadap peranan program PKM dan implikasi program PKM yang telah mereka ikuti.


Menurut Amir Hasan Dawi (2009: 59-60); Carl (2011: 85) dan Kornblum (2012: 98) terdapat “tiga jenis sosialisasi iaitu sosialisasi primer, sosialisasi sekunder dan resosialisasi” seperti diuraikan berikut:

#### **1.8.1.1 Sosialisasi Primer**

Menurut Kornblum (2012: 98), “sosialisasi primer merujuk kepada semua cara di mana individu yang dilahirkan di dunia ini dibentuk menjadi makhluk sosial”. Sosialisasi primer berlaku dalam institusi keluarga seperti menyemai nilai-nilai murni contoh, melalui agama yang dianuti iaitu terikat dengan kepercayaan dan yang dilarang bermula sejak dilahirkan. Justeru



“sosialisasi primer berlaku semasa PM zaman kanak-kanak di mana ibu bapa atau orang-orang yang lebih tua menurunkan nilai-nilai, peraturan, kepercayaan, agama dan normal sosial kepada mereka ketika zaman kanak-kanak” (Carl 2011: 85). Dalam konteks kajian ini, semasa PM melalui zaman kanak-kanak iaitu bermula 0 hingga 4 tahun turut melalui proses sosialisasi dalam institusi keluarga mereka dan dibantu oleh ibu bapa mereka supaya menjadi makhluk sosial. Sosialisasi primer dapat dirumuskan sebagai sosialisasi peringkat pertama yang dialami setiap individu termasuklah PM yang berlaku dalam institusi keluarga dan dibantu oleh ibu bapa mereka sebagai ketua keluarga seperti dilihat **rajah 1.1.**



*Rajah 1.1. Sosialisasi dalam institusi keluarga*






### 1.8.1.2 Sosialisasi Sekunder

Menurut Carl (2011: 85), sosialisasi sekunder ialah “individu kerap kali harus belajar untuk menerima dan menyesuaikan diri dalam persekitaran baharu”. Dalam konteks kajian ini, pelatih terlibat dalam tingkah laku jenayah hingga disabitkan Hukuman PKM dan sosialisasi semula diri mereka melalui program PKM di PKMD 2, 3, 4 dan 5 di lokasi terpilih anjuran BPKM, JKM Malaysia, Putrajaya. Sosialisasi sekunder berlaku sepanjang putaran kehidupan dan setiap fasa kehidupan yang pelatih lalui akan menemui norma, nilai-nilai dan belajar sesuatu yang baharu. Pelatih mengalami perubahan tingkah laku seperti, rasa terikat, sebak, insaf, sikap ingin membantu dan melibatkan diri melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan bagi membentuk tingkah laku mereka.

Menerusi fasa sosialisasi sekunder juga, pelatih berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran kehidupan terutama semasa menjalani program PKM. Situasi tersebut merupakan satu cabaran dan menjelaskan putaran kehidupan pelatih sepanjang tempoh menjalani PKM. Pengalaman baharu seperti pemindahan budaya dari persekitaran sosial melalui program hukuman, rakan yang sama-sama menjalani PKM, PPKM, PL dan warga kerja PKMD berkenaan. Menurut Amir Hasan Dawi (2009: 60), pada peringkat tersebut seperti yang dilalui pelatih “berlaku pemindahan budaya dari agen-agen sosialisasi kepada individu seperti pelatih”. Menurut Carl (2011: 49), “budaya merangkumi bahasa, kepercayaan nilai, norma, tingkah

laku dan objek benda yang penting untuk disampaikan kepada generasi masa depan". Menurut Kornblum (2012: 46) pula, "budaya adalah semua bentuk pemikiran, tingkah laku dan produk material yang diwariskan dari satu generasi ke generasi seterusnya". Keseluruhannya, sosialisasi sekunder dapat dirumuskan sebagai sosialisasi yang berlaku selepas sosialisasi primer. Fasa kehidupan pelatih digambarkan seperti **rajah 1.2.**



Rajah 1.2. Fasa kehidupan pelatih

### 1.8.1.3 Resosialisasi

Menurut Ferrante (2006: 137), “resosialisasi adalah merupakan sosialisasi yang mengubah secara radikal keperibadian seseorang seperti, di tempat tahanan perlindungan atau institusi pemulihan”. Maka, resosialisasi dalam konteks kajian ini ialah PKMD berkenaan merupakan institusi pemulihan di mana pelatih melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan bagi mengubah tingkah laku mereka yang baik setelah disabitkan kesalahan jenayah oleh Mahkamah. Resosialisasi berlaku setiap kali pelatih berdepan dengan persekitaran baharu adalah merupakan proses pembelajaran norma baharu dan tingkah laku baharu. Kenyataan tersebut selari dengan Henslin (2006: 85), “resosialisasi adalah proses pembelajaran norma baharu, nilai-nilai, sikap dan tingkah laku baharu”. Dalam konteks kajian ini, sosialisasi semula pelatih dilihat seperti rajah 1.3.



Rajah 1.3. Sosialisasi semula pelatih

Dinumuskan bahawa resosialisasi berlaku setiap kali pelatih berdepan dengan persekitaran baharu atau perubahan yang terjadi dalam persekitaran yang mengharuskan mereka mempelajarinya. Dalam konteks kajian ini, program hukuman yang dilaksanakan pelatih di PKMD 2, 3, 4 dan 5 adalah resosialisasi secara radikal keperibadian mereka menyesuaikan diri dengan peraturan yang baharu berbanding dengan pengalaman sebelumnya.




### 1.8.2 Teori Fungsional

Menurut Macionis (2012: 12) teori fungsional menyatakan “masyarakat dilihat sebagai satu sistem yang kompleks, berkait rapat dan bekerjasama untuk berfungsi dan menggalakkan solidariti atau perpaduan dan kestabilan”. Oleh yang demikian, PKMD berkenaan merupakan salah satu daripada institusi penting sesuai dengan pendekatan teori fungsional untuk mendidik pelatih bertingkah laku baik, berfungsi sebagai model, boleh diterima keluarga dan masyarakat. Sesungghnya, teori fungsional menjelaskan berhubung peranan PKMD berkenaan melalui PKM dapat melahirkan pelatih yang tidak dilabel sebagai banduan dan boleh bekerjasama dengan masyarakat. Justeru PKM memainkan peranan penting di mana ia merupakan salah satu daripada undang-undang yang terdapat di negara ini dan hendaklah dilihat sebagai transformasi nilai-nilai murni khususnya pelatih yang dikaji dalam kajian ini.


Memandangkan PKM adalah salah satu daripada undang-undang di Negara Malaysia bersifat fungsional dan diharap dapat melahirkan sumbangan yang bererti untuk mensejahterakan remaja dan masyarakat Negara Malaysia bebas daripada jenayah. Oleh itu, peranan institusi keluarga, PKMD berkenaan, ahli-ahli akademik, pemimpin-pemimpin masyarakat dan agen-agen sosial yang lain seharusnya mengorak langkah menyusun strategi membentuk tingkah laku pelatih. Penyusunan strategi ini tidak hanya fokus kepada pelatih sahaja tetapi termasuklah remaja yang sedang terlibat dalam tingkah laku jenayah tetapi masih belum dikesan oleh pihak berkuasa. Walau bagaimanapun, penyusunan strategi hendaklah

melibatkan remaja yang sedang dibangku sekolah dan di institusi pengajian tinggi.

Usaha murni tersebut diharap dapat meningkatkan jati diri pelatih, melahirkan pelatih berfikiran kelas pertama dan meningkatkan sebuah Negara Malaysia yang harmoni. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggambarkan sosialisasi semula PM melalui teori fungsional seperti **rajah 1.4** dan institusi mendidik seperti **rajah 1.5**.



**Rajah 1.4.** Sosialisasi semula pelatih melalui Teori Fungsional




Rajah 1.5. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berkenaan berperanan sebagai mendidik.

### 1.8.3 Teori Kawalan Sosial

Ikatan sosial yang baik sangat penting bagi mengelak PM bertingkah laku ganas dan terlibat dalam tingkah laku jenayah. Menurut Hirschi (1969) dalam teori kawalan sosial, PM tidak akan melakukan tingkah laku ganas dan agresif kecuali jika terdapat kekangan peribadi dan sosial yang menghalang mereka. Tingkah laku ganas dan agresif adalah berpunca daripada ikatan sosial antara individu dengan masyarakat yang longgar atau terputus ikatan sosial antara satu sama lain (Hirschi, 1969). Oleh itu, Hirschi



(1969) telah menjalankan kajian terhadap sekumpulan pelajar sekolah menengah sebagai responden dan teorinya telah dibentuk melalui perspektif sosiologi yang mengandungi empat elemen. Keempat-empat elemen tersebut ialah keterikatan (*attachment*), komitmen (*commitment*), keterlibatan (*involvement*) dan kepercayaan (*belief*). Dalam konteks kajian ini, keempat-empat elemen tersebut juga adalah merupakan proses sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku seperti yang dikaji dilihat seperti **rajah 1.6**.




**Rajah 1.6.** Sosialisasi semula pelatih melalui Teori Kawalan Sosial



Keseluruhannya, saranan daripada teori kawalan sosial ini dijadikan sebagai panduan bagi membincangkan punca berlaku jenayah, meneroka aktiviti program PKM yang telah diikuti pelatih, meneroka pandangan pelatih terhadap program PKM dan melihat implikasi peranan program PKM dalam Bab 4 dan Bab 5. Gabungan keempat-empat elemen tersebut juga merupakan sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku seperti yang dikaji.

### 1.9 Kerangka Konseptual

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti dinyatakan di atas. Bagi menjawab soalan-soalan kajian tersebut, teori sosiologi yang terpilih diperlihatkan seperti **rajah 1.7**, iaitu kerangka konseptual. Pengkaji berpandangan, dengan menggunakan teori yang berkaitan seperti **rajah 1.7**, dapat membantu melaksanakan kajian ini.



Rajah 1.7. Kerangka Konseptual

Berdasarkan rajah 1.7, PKMD berkenaan berperanan sebagai agen sosialisasi, menerap nilai-nilai murni dan membentuk tingkah laku pelatih sepanjang tempoh PKM. Pelatih menjalani PKM yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah mengikut jumlah jam agregat iaitu 240 jam maksimum atau kurang berdasarkan jenis kesalahan jenayah yang disabitkan. Menurut Peraturan Tetap Operasi PKM, JKM Malaysia, Putrajaya (Pindaan 2011) telah menetapkan PKM hendaklah dihabiskan dalam tempoh dua tahun (maksimum). Dalam tempoh PKM, pelatih memperoleh seperti diuraikan berikut:



- i. Memikul suatu tanggungjawab sosial terhadap pelatih untuk dilaksanakan menerusi program hukuman.
- ii. Merangsang tanggungjawab sosial dan menjadikan program pemulihan sebagai pengalaman berfaedah kepada pelatih.
- iii. Mewujudkan ruang kepada pelatih menjalai pemulihan akhlak dan menawarkan faedah nyata kepada masyarakat menerusi program penginsafan.

Berlandaskan kepada reka bentuk kajian kualitatif iaitu menggunakan kaedah kajian kes dan fenomenologikal serta kajian yang dijalankan dilihat seperti **rajah 1.7**.

Model kerangka konseptual tersebut menzahirkan secara keseluruhan kajian induktif intepretif kepada semua pembaca. Keseluruhan proses kajian adalah untuk mengenal pasti, meneroka dan menghuraikan sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku di PKMD tersebut. Isu berkaitan tingkah laku jenayah yang melibatkan pelatih akan dikenal pasti, diterokai dan dihuraikan bagi menjawab soalan-soalan kajian serta mengemukakan cadangan untuk menambah baik pelaksanaan program PKM.





## 1.10 Definisi Konsep dan Operasional

Konsep-konsep dan istilah operasional yang digunakan dalam kajian ini diuraikan seperti berikut:

### 1.10.1 Jenayah

Jenayah adalah kesalahan yang ditakrifkan dengan perbuatan yang boleh dihukum oleh sebarang undang-undang yang sedang berkuatkuasa contoh, di Negara Malaysia. Dalam konteks kajian ini, pelatih terlibat dalam tingkah laku jenayah dan disabitkan kesalahan oleh Mahkamah hingga dijatuhkan Hukuman PKM, Seksyen 2, Kanun Acara Jenayah, Akta 593 (Pindaan 1999).



### 1.10.2 Remaja

Menurut Fatimah Yusuf (2015), remaja ialah mereka yang berumur 19 tahun ke bawah. Golongan remaja mempunyai perasaan ingin tahu, mencuba dan melakukan sesuatu perkara yang baharu sama ada atas dorongan diri sendiri ataupun dipengaruhi oleh kawan. Manakala, menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4 (2007), remaja ialah sebagai mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur untuk berkahwin. Dalam konteks kajian ini, remaja terlibat dalam tingkah laku jenayah dalam tempoh usia mereka ialah antara 18 hingga 21 tahun, disabitkan kesalahan jenayah hingga dijatuhkan Hukuman PKM dan mereka juga dikenali sebagai PM.





### 1.10.3 Pesalah Muda

Menurut Seksyen 2, Kanun Acara Jenayah Akta 593 (Pindaan 1999), takrifan PM (*youth offender*) iaitu PM pelbagai kaum yang berumur atas 18 tahun dan di bawah 21 tahun termasuk lelaki dan perempuan. Dalam konteks kajian ini, remaja pelbagai kaum berumur atas 18 tahun dan kurang 21 tahun lelaki dan perempuan yang disabitkan kesalahan jenayah hingga dijatuhkan Hukuman PKM dikenali sebagai PM. Mereka yang disabitkan kesalahan jenayah oleh Mahkamah hingga dijatuhkan Hukuman PKM sebagai alternatif hukuman pemenjaraan mengikut Seksyen 293, Kanun Acara Jenayah Akta 593 (Pindaan 1999) dan Kanun Keseksaan Akta 574 (Pindaan 2004). Menurut Mohd. Al-Adib Samuri et al. (2009), Hukuman PKM dilaksanakan bagi mengelak pelatih terdedah dengan perkara negatif apabila dipenjarakan.



### 1.10.4 Perintah Khidmat Masyarakat

PKM merupakan perintah alternatif yang dikeluarkan oleh Mahkamah dan boleh dijatuhkan kepada PM berumur 18 hingga 21 tahun dalam sesuatu tempoh yang dibenarkan oleh undang-undang iaitu tidak melebihi 240 jam agregat dan tempoh maksimum 24 bulan. PKM juga merupakan perintah Mahkamah yang dijatuhkan kepada PM sebagai hukuman alternatif menggantikan hukuman penjara mengikut Sub Perenggan 293(1)(e)(i) Kanun Tatacara Jenayah Akta 593 (2006). Manakala, menurut McLaughlin & Muncie (2006), mentakrifkan PKM sebagai satu hukuman yang dilaksanakan kepada pesalah oleh Mahkamah Jenayah yang tidak melibatkan





pemenjaraan dan sering kali dinisbahkan sebagai satu perintah yang dirujuk sebagai ‘hukuman bukan tahanan’ atau ‘alternatif kepada penjara’.

Dalam konteks kajian ini, pelatih yang menjalani PKM diselia oleh Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat (PPKM) dan Penyelia Lapangan (PL) di PKMD tersebut. Pelatih yang diperintah menjalani PKM mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah di PKMD berkenaan iaitu:

- i. Apa-apa perkara / arahan demi kebaikan masyarakat.
- ii. Hendaklah di bawah Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan



Menurut Mohd. Al-Adib Samuri (2012), PKM dilaksanakan berdasarkan kepada kelebihan dan implikasi perintah tersebut kepada pelatih, keluarga dan masyarakat. Perintah tersebut juga telah dinyatakan terdahulu oleh Tonry (1997), PKM adalah hukuman yang menepati kehendak dan persetujuan masyarakat kerana ia menghasilkan nilai-nilai baik untuk masyarakat. Maka, PKM dilaksanakan di Malaysia adalah untuk kebaikan pelatih sendiri, keluarga dan masyarakat.





### 1.10.5 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Berkenaan

Pelaksanaan PKM mula diperkenalkan pada 1 Februari 2007 susulan pindaan Kanun Tatacara Jenayah Akta A274 (Pindaan, 2006) dan Kanun Keseksaan Akta 574 (pindaan, 2006) seperti yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia sebelum ia dilaksanakan di Malaysia pada 1 Januari 2008. Oleh itu, KPWKM diberi tanggungjawab untuk merangka dan menjalankan PKM di bawah Seksyen 293 Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan, 2006). Dalam konteks kajian ini, situasi pertama, KPWKM menurunkan kuasa kepada BPKM, JKM Malaysia, Putrajaya sebagai penganjur program pemulihan dan program penginsafan khusus kepada pelatih di lokasi terpilih. Contoh, di FELDA Kemahang Tiga, Tanah Merah, Kelantan dan KEDA, Bendang Man, Sik, Kedah.



Situasi kedua, KPWKM menurunkan kuasa kepada BKKPKM JKM, Negeri Perak melalui JKM Malaysia, Putrajaya untuk melaksanakan program pemulihan iaitu Program Keibubapaan Pelatih PKM Negeri Perak bertemakan Khalifah Umar di Era Moden khusus kepada pelatih di lokasi terpilih seperti di Institut Tadbiran Islam (INTIM), Negeri Perak. Situasi ketiga, JKM Negeri Perak menurunkan kuasa pula kepada PKMD berkenaan untuk melaksanakan program hukuman.



### 1.10.6 Sosialisasi Semula dan Pembentukan Tingkah Laku Pelatih

Menurut Macionis (2012: 102), mendefinisikan sosialisasi ialah “pengalaman sosial sepanjang hayat yang digunakan untuk membina potensi PM dan mempelajari budaya”. Macionis (2012: 102) memberi keutamaan berhubung pengalaman sosial melalui sosialisasi kerana menurut beliau “PM menekankan pengalaman sosial untuk belajar budaya dan untuk kelangsungan hidup”. Manakala, menurut Amir Hasan Dawi (2009: 59), “sosialisasi dapat mengubahsuai tingkah laku awal PM untuk diselaraskan dengan kehendak kehidupan sosial masyarakat semasa”. Definisi

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi operasional dalam konteks kajian ini merujuk kepada sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku di PKMD berkenaan. Pengalaman sosial dalam program-program PKM yang dimaksudkan ialah program hukuman, program pemulihan dan program penginsafan yang dilaksanakan dan dikuti mereka dalam tempoh PKM.

Tingkah laku pula dirujuk sebagai perlakuan atau perbuatan pelatih yang diperhati pengkaji semasa di lapangan dan diteroka perlakuan mereka melaksanakan program hukuman. Maklum balas yang diterokai mempengaruhi tingkah laku pelatih dalam kajian ini ialah program PKM bagi membantu proses sosialisasi semula mereka.



Definisi pembentukan tingkah laku di atas menunjukkan tingkah laku individu dibina melalui proses pembelajaran, sesi kaunseling, kerja-kerja kemasyarakatan, interaksi dan faktor persekitaran. Pembentukan tingkah laku dalam konteks kajian ini dirujuk sebagai ilmu pengetahuan dan tingkah laku pelatih berasaskan program-program PKM yang dilaksanakan sebagai proses interaksi di persekitaran PKMD berkenaan. Proses membentuk tingkah laku pelatih di PKMD tersebut dapat dilaksanakan melalui program hukuman terutama dari segi setiap tindak-tanduk dan interaksi mereka. Bagi merealisasikan pembentukan tingkah laku pelatih yang baik, ia adalah berdasarkan modul program PKM yang disediakan oleh BPKM, JKM Malaysia, Putrajaya dengan kerjasama KPWKM dan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan menjadi kewajipan mereka mematuhiinya.

## 1.11 Rumusan

Berdasarkan penjelasan dalam memberi makna kepada tajuk kajian ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa PKM adalah merupakan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah kepada pelatih yang mengabaikan tanggungjawab terhadap undang-undang di negara ini. Program hukuman, program pemulihan dan program penginsafan diberi penekanan kepada sosialisasi semula PM melalui PKM dalam pembentukan tingkah laku seperti arahan Mahkamah. Maka, Hukuman PKM diperkenalkan sebagai usaha kerajaan Negara Malaysia untuk mengurangkan kejadian tingkah laku jenayah, mengurangkan kepadatan banduan di





penjara, mengurangkan bebanan Kerajaan Malaysia membiayai kos operasi di semua penjara di Malaysia dan mengurangkan kebimbangan masyarakat bergerak untuk bersosial sama ada bersendirian atau berkumpulan. Setelah mengenal pasti latar belakang masalah, pernyataan masalah dan menentukan objektif serta soalan kajian, maka dalam Bab 2 pula akan memaparkan beberapa kenyataan laporan dan kajian lepas berkaitan remaja terlibat dalam tingkah laku jenayah hingga dijatuhkan Hukuman PKM.

